

**REKA BENTUK DEKORASI DAN RAGAM HIAS PADA BATU
NISAN ACEH DI TAPAK LAMREH ACEH BESAR,
ACEH, INDONESIA**

*(DECORATIVE DESIGN AND ORNAMENTAL VARIETY OF ACEHNESE
TOMBSTONES AT LAMREH ACEH BESAR, ACEH, INDONESIA)*

Saryulis, Husaini Ibrahim & Mokhtar Saidin

Abstrak

Tapak Lamreh merupakan daerah yang banyak dijumpai pelbagai artifak di antaranya ialah batu nisan Aceh. Batu nisan Aceh yang dijumpai pada tapak ini sangat beragam reka bentuk dekorasi dan ragam hiasnya. Penyelidikan ini mengamati dekorasi dan ragam hias batu nisan Aceh di tapak Lamreh. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan deskriptif analisis terhadap ragam hias tersebut. Hasil analisis terhadap reka bentuk dekorasi dan ragam hias pada batu nisan Aceh telah mengenal pasti jenis ragam hias flora dan geometri. Kadang kala kedua ragam hias ini dikombinasikan dengan pelbagai reka bentuknya sehingga menghasilkan suatu ragam hias yang sangat unik. Antaranya ialah ragam hias flora seperti bunga awan sitangke, bunga teratai mekar, pucuk rebung, bunga gelima dan kalpataru (pohon hayat) manakala hiasan geometri yang dijumpai pada batu nisan tersebut adalah anyaman tali satu dan anyaman tali dua. Kadang kala anyaman tali tersebut digabungkan dengan hiasan flora. Selain itu, reka bentuk dekorasi yang dijumpai pada batu nisan Aceh menyerupai candi Dravidian atau masjid di Karnataka, India. Dekorasi tersebut didapati mempunyai pengaruh dari India pada bahagian badan kepala batu nisan Aceh. Oleh itu, kesenian masyarakat masa lalu di tapak Lamreh telah bercampur dengan budaya luar. Perpaduan kesenian tersebut mencerminkan budayanya yang beragam.

Kata kunci: Ragam hias, reka bentuk, batu nisan Aceh, tapak Lamreh

Abstract

Lamreh is one of the archaeological sites in Aceh that contains various artefacts, including Acehese tombstones with various motifs and decorations. This research aims to understand the decorations of Aceh tombstone in Lamreh site, using a descriptive approach to analyze the decorations. Research result shows that there are two types of decorations on Aceh tombstone, namely flora and geometry. These decorations were occasionally combined to produce distinctive floral decorations such as awan sitangke (cloud stalk), bunga teratai mekar (blooming lotus), pucuk rebung (bamboo shoot), bunga gelima (pomegranate flower) and kalpataru (living tree). Diversely, geometry decoration is consists of types known as single-cord weaved and double-cord weaved and sometimes infused with the floral decoration. In general, these decorations have similarities with designs on Dravidian candi

(temple) and mosque found in Karnataka, India, signifying an Indian influence on Acehese tombstones as well as the multicultural feature in the society during that time.

Keywords: *Ornament, decorative design, Aceh tombstone, Lamreh Site*

PENGENALAN

Pada awalnya batu nisan Aceh hanya sebagai tanda yang membezakan bahagian kepala dan kaki serta arah letak mayat yang dikuburkan. Namun seiring dengan perkembangan kesultanan di Aceh dan diiringi pula dengan perkembangan kesenian dalam memahat batu nisan, seniman-seniman terus diberikan kebebasan untuk melakukan kreativitinya (Repelita 2009 & 2016). Oleh itu, terwujudnya pelbagai bentuk dekorasi mahupun ragam hias pada batu nisan Aceh sehingga tersebar ke beberapa wilayah diluar Aceh.

Batu nisan Aceh memiliki keunikan tersendiri sama ada daripada segi bentuk, dekorasi dan ragam hiasnya. Penyelidikan terhadap ragam hias telah dikaji oleh beberapa pengkaji terdahulu antaranya iaitu Ambary (1984, 1998 & 2009), Othman (1985) Perret et al. (2017, 2015 & 1999), Herwandi (2003) dan beberapa pakar lainnya. Mereka menyelidiki berbagai batu nisan yang ada di Aceh mahupun di luar Aceh. Othman (1985, 2002 & 2010) misalnya telah berjaya mengidentifikasikan ragam hias pada batu nisan Aceh di Semenanjung Malaysia. Antara ragam hias yang berjaya di identifikasikan oleh para penyelidik ini seperti bungong awan sitangke, aneuk abie, bungong gelima, bungong seumanga, bungong keupula, bungong seuleupo, bungon keundo, bungong manyang, bungong awan-awan, bungong kalimah, bungong sagoe, bungong ajoe-ajoe, bungong pucok reubong, puta taloe (anyaman tali) dan bungong gaseng (Othman 1985; Daniel 1999; Herwandi 2003; Shaffee 2013). Kesemua nisan Aceh tersebut mempunyai persamaan daripada segi ragam hias di Aceh. Othman (2002) mengatakan bahawa motif dan reka bentuk yang diukir pada batu nisan Aceh masih mengamalkan lagi prinsip penting masa Hindu namun mereka meninggalkan penciptaan patung-patung. Rekod terbaharu berkenaan batu nisan Aceh ialah jumpaan di Langkawi yang mana penyelidikannya telah dilakukan pada tahun 2016 (Zuliskandar et al. 2016).

Ragam hias pada batu nisan Aceh tidak hanya berupa motif flora sahaja, tetapi juga di ukir dengan motif geometri. Secara amnya, batu nisan Aceh yang sering dijumpai diukir hanya pada bahagian tertentu sahaja seperti pada bahagian badan, kaki dan kepalanya sahaja. Selain itu, biasanya ragam hias yang ditemui pada batu nisan Aceh berupa satu motif sahaja yang diukir. Penyelidikan tentang ragam hias pada batun nisan Aceh menjadi suatu ketertarikan dalam sarjana muda kerana ragam hias pada batu nisan Aceh sangat kompleks sama ada motif dan reka bentuknya.

Setiap daerah memiliki ciri ragam hias tersendiri seperti yang terdapat pada makam Syekh Burhanudin yang terdapat di Tapakis, Kabupaten Padang Pariaman. Pada makam tersebut terukir motif menyerupai mata dan telinga namun tidak begitu jelas kerana ukiran tersebut bersifat abstrak. Ragam hias pada batu nisan tersebut memiliki dua unsur yang mendasar iaitu bentuk, struktur dan susunan (Djelantik 1999). Namun secara amnya, makam tersebut diukir motif flora iaitu Motif Relung Akar Pakis, Motif Lung Kangkung, Motif Relung Pakis, Motif Kaluak Paku dan motif Motif Luang Kangkuang (Azhari 2016). Oleh itu, ragam hias dan motif yang digunakan untuk mengukir batu nisan mahupun pada makam memiliki ciri khas tersendiri tergantung ragam hias tersebut diproduksi di mana.

Ragam hias pada batu nisan makam-makam di tapak Benteng Lipu, Kabupaten Buton Utara terdapat motif geometri berbentuk tumpal (serampang) dilihat sekilas menyerupai bentuk kubah masjid. Motif Bunga Eja yang berbentuk segi empat juga ditemukan pada nisan tersebut. Secara keseluruhannya batu nisan tersebut ragam hiasnya bentuk geometri, namun digambarkan menyerupai reka bentuk yang pelbagai. Oleh kerana itu, ini merupakan suatu kesenian khas yang mencerminkan daerah tersebut.

Ragam hias yang dijumpai pada batu nisan Aceh membuktikan kepelbagaian budaya dan seni yang telah berkembang dalam masyarakat Aceh hingga menyebar ke luar Aceh. Ragam hias tersebut biasanya dijumpai pada bahagian rumah ataupun pada barang-barang tradisional yang digunakan oleh masyarakat Aceh sekitar abad ke-14 hingga ke-17 Masihi.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian merupakan suatu cara ilmiah untuk mendapatkan data. Kajian ini meliputi pengumpulan data dan interpretasi data. Pengumpulan data terdiri daripada kajian perpustakaan untuk membina objektif kajian. Selanjutnya kajian lapangan di lakukan melibatkan survei permukaan di tapak Lamreh. Survei permukaan ini melibatkan kerja merekod semua tinggalan batu nisan Aceh yang terdapat di tapak Lamreh. Data dekorasi dan ragam hias direkodkan. Makalah ini membincangkan dua bentuk nisan Aceh yang di kategorikan sebagai nisan blok dan pipih. Bagi nisan bentuk blok, ia terdiri daripada lima jenis yang diklasifikasikan sebagai AB5, AB6, AB7, AB8 dan AB9 (Rajah 1). Manakala bagi nisan pipih, ia terdiri daripada tujuh jenis yang diklasifikasikan sebagai AP12, AP13, AP14, AP15, AP16, AP17, AP18 dan AP19 (Rajah 2).



Rajah 1. Batu nisan bentuk Aceh blok



Rajah 2. Batu nisan bentuk Aceh pipih


PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Ragam hias merupakan suatu ukiran dan hiasan seni bertujuan memperindah bentuk produk tersebut. Umumnya hiasan seni di Nusantara yang dihasilkan mempunyai simbol dan makna tertentu. Antara jenis ragam hias yang terdapat pada batu nisan Aceh adalah seperti hiasan geometri, hiasan flora dan hiasan anyaman tali (Mulyadi & Nur 2017). Bagi ragam hias yang terdapat pada batu nisan Aceh di tapak Lamreh, ianya tidak memiliki pola yang statik. Berdasarkan ragam hias tersebut, ia mencerminkan kehebatan budaya dan karya seni masyarakatnya.

Inagurasi (2017) telah membuat suatu konsep baru tentang ragam hias terhadap batu nisan Aceh. Dalam kajiannya ia membuat suatu kronologi terhadap ragam hias pada batu nisan. Kronologinya dibahagikan kepada tiga fasa. Fasa pertama iaitu abad ke-13 Masihi adalah nisan Aceh yang mempunyai ragam hias bercirikan hiasan berbentuk segi tiga atau geometri di bagian bawah panel. Bagian tengah panelnya pula terdiri daripada ragam hias berbentuk tanduk dan sayap di bahagian kiri dan kanan. Manakala bagian puncaknya pula terdiri daripada ragam hias berbentuk mahkota bulat meruncing bersusun tiga. Fasa ke dua iaitu abad ke-15 hingga ke-16 Masihi, ragam hias bagi bahagian bawah bercirikan segi tiga atau geometri. Bagian tengahnya pula bercirikan ragam hias berupa tanduk (bucrane), mirip sayap atau tanda silang dan bentuk lingkaran. Bagian puncaknya pula bercirikan mahkota bulat meruncing susun tiga, mahkota lambang serampang. Fasa ke tiga iaitu abad ke-17 Masihi, ragam hiasnya bercirikan polos pada bagian bawah. Bahagian tengahnya pula bercirikan ragam hias berupa polos manakala bagian kiri dan kanannya pula berbentuk tanda bulatan. Bagian puncaknya bercirikan mahkota bulat meruncing susun tiga, muncul mahkota lambang serampang (Inagurasi 2017). Bastomi (1992) mengatakan terdapat juga ragam hias yang bermotifkan flora atau tumbuhan, fauna atau binatang, geometri dan motif alam yang diubah suai bertujuan memperindah hasil karyanya.


Hasil survei menemukan 283 buah batu nisan namun hanya 166 buah batu nisan yang memiliki ragam hias. Kebanyakan batu nisan yang ditemui pada tapak ini dalam keadaan rosak sehinggakan banyak batu nisan sudah terhakis ragam hiasnya. Antara ragam hias yang dapat dikenali iaitu Bungong Awan Sitangke, Bungong Geulima, Bungong teratai, Pucuk Rebung, Kalpataru, Puta Taloe (anyaman tali) dan Spiral. Motif Bunga Awan Sitangke muncul 99 kali pada bentuk pipih (18) dan blok (81). Motif Bungong Gelima muncul 53 kali, bentuk pipih lima kali dan bentuk blok 46 kali. Motif bunga teratai muncul 26 kali (pipih empat kali dan blok 22 kali). Kemudian motif pucuk rebung muncul 32 kali pada bentuk blok sebanyak 30 kali dan bentuk pipih hanya dua kali. Motif kalpataru (pohon hayat) muncul hanya 10 kali pada bentuk blok. Manakala motif anyaman tali (tenun) muncul sebanyak 33 kali pada bentuk pipih enam kali, bentuk blok 25 kali dan bentuk silinder hanya 2 kali sahaja. Selain itu, motif spiral muncul sebanyak 44 kali pada bentuk blok sahaja. Ragam hias yang sering muncul pada batu nisan di tapak Lamreh ialah ragam hias flora yang dikombinasikan dengan motif geometri. Manakala pada batu nisan yang berbentuk blok, sering dijumpai hiasan spiral iaitu hiasan berbentuk S yang dikombinasikan dengan hiasan flora sehingga menjadi suatu motif yang sangat indah. Motif tersebut kelihatan seperti bentuk kalamakara yang terdapat pada candi-candi Hindu. Hampir kebanyakan nisan berbentuk blok mempunyai hiasan ini. Di samping itu, jenis motif lain yang terdapat pada batu nisan ini ialah motif bunga Awan Sitangke, Bungoeng Seureupeu, Bungoeng Puta Taloe Dua, Bungoeng Gelima dan Bunga Teratai Mekar.

Ragam hias spiral yang dikombinasikan dengan bungong awan sitangke merupakan motif yang khas pada batu nisan ini kerana motifnya sangat jarang dijumpai pada batu nisan di tapak lain (Rajah 3). Kebanyakannya motif ini dihiasi dengan pelbagai bentuk kadangkala ianya mekar ke atas dan ke bawah dan ragam hias ini diukir hampir memenuhi bahagian badan batu nisan. Selain itu, motif bungong awan sitangke juga dikombinasikan dengan bunga geulima dan reka bentuk motif nisan ini juga memiliki kesamaan dengan kombinasi motif spiral iaitu nisan tersebut di ukir dengan ukiran yang dinamik. Kedua ragam hias tersebut di ukir hampir keseluruhan bahagian batu nisan, kebanyakannya motif ini dijumpai pada batu nisan bentuk blok.




Rajah 3. a) Motif Spiral kombinasi dengan bunga awan sitangke b) kombinasi motif Bunga Awan Sitangke dengan gelima

Pada batu nisan berbentuk blok jenis AB7 dijumpai motif *Bungoeng Seuleupeu*, *Bungoeng Sagoe*, *Bungoeng awan* dan motif spiral S bolak-balik. Nisan ini memiliki motif yang bercorak flora seperti hiasan bunga, anyaman tali yang dikombinasikan dengan motif, geometri atau medalion (Rajah 4). Pada nisan berbentuk blok jenis AB5 dijumpai hiasan bunga *awan sitangke* yang diubahsuai seperti bentuk pohon hayat atau dipanggil motif *kalpatura* yang dijumpai pada seni pahatan Tamil India selatan. Ragam hias ini sering muncul pada bahagian tengah badan dan bahagian samping kiri mahupun kanan batu nisan ianya di ukir dengan dengan khas yang terletak dalam panel badan nisan.




Rajah 4. a) Motif Pohon Hayat, b) Motif Anyaman Tali, c) Anyaman Tali medalion

Manakala pada batu nisan blok jenis AB9 dijumpai hiasan bercorak bunga teratai, bunga cendana dan motif spiral. Hampir semua batu nisan blok dijumpai motif tersebut. Hiasan bunga teratai yang dijumpai pada batu nisan ini sangat bervariasi ada yang kelopak empat, lima dan lapan (Rajah 5). Motif bunga teratai digunakan sejak pra-Islam seperti yang terdapat pada kuil-kuil Hindu dan menjadi motif tertentu dalam perayaannya namun motif ini digunakan pula sehingga pada masa Islam seperti yang terdapat pada batu nisan Aceh di tapak Lamreh. Penggunaan motif ini tidak menghilangkan estetika Islam terhadap ragam hias tersebut. Ragam hias ini pula sering dijumpai pada bahagian badan tengah batu nisan dan di ukir dalam panel nisan tersebut.



Rajah 5. Hiasan Bunga teratai

Selanjutnya bagi nisan Aceh bentuk pipih kebanyakan ragam hiasnya terdiri daripada motif Teratai, Bunga Awan Sitangke dan Bungoeng Puta Taloe. Pada batu nisan bentuk pipih jenis AP15 motif bunga merupakan motif yang dominan. Jenis motif bunganya terdiri daripada bunga awan sitangke dan bunga Geulima yang tidak memiliki pola yang statik. Batu nisan bentuk pipih jenis AP12 pula (Rajah 6), terdiri daripada hiasan awan sitangke yang digayakan seperti bentuk kalamakara pada bahagian kepalanya. Ragam hias tersebut pada batu nisan pipih di ukir antara bahagian badan atas dan bahu yang terletak dalam panel.



Rajah 6. Motif Awan Sitangke

Selain itu, dekorasi dan ukiran yang terdapat pada batu nisan Aceh memiliki pelbagai reka bentuk yang turut dipengaruhi daripada budaya luar dan budaya pra-Islam. Reka bentuk dekorasi yang ditemukan pada batu nisan Aceh di tapak Lamreh mempunyai persamaan dengan bentuk dekorasi pada candi Dravidian atau Masjid Karnataka di India (Arifin 2015; Istari 2018; Munandar 2016). Pendapat ini memperlihatkan bahawa ada pengaruh budaya luar dalam pembuatan batu nisan Aceh seperti pengaruh Hindu. Dekorasi yang menyerupai candi Dravidian ini terdapat pada bahagian kepala Batu nisan Aceh di tapak Lamreh (Rajah 7).



Rajah 7. Bentuk dekorasi dravidian

Berdasarkan hasil pembahasan di atas memberikan maklumat bahawa tidak ada hiasan yang menggunakan motif binatang. Semua motif yang digunakan pada batu nisan di tapak Lamreh menggunakan motif tumbuhan atau motif alam, namun motif bunga atau tumbuhan tersebut sedikit digayakan seperti bentuk binatang atau muka manusia, tetapi ianya bersifat abstrak. Ini menandakan masih ada faktor kebudayaan atau kepercayaan dahulu yang siap untuk ditinggalkan.

KESIMPULAN

Batu nisan Aceh secara amnya memiliki keunikan tersendiri baik daripada segi dekorasi mahupun ragam hiasnya. Ragam hias pada batu nisan Aceh di tapak Lamreh memiliki ciri khas tersendiri yang mencerminkan kepelbagaian budaya dan seni. Ragam hias pada batu nisan Aceh di tapak Lamreh ini terdiri daripada motif hiasan seperti flora dan geometri. Ragam hias flora tersebut terdiri daripada bungong awan sitangke, bunga teratai, bungong geulima, pucuk rebung dan kalpataru (pohon hayat), manakala motif geometri pula terdiri daripada anyaman tali dengan gaya satu tali dan dua tali. Motif geometri kadangkala dikombinasikan dengan hiasan flora. Selain itu, motif spiral juga ditemukan di tapak Lamreh. Motif spiral ini merupakan motif yang unik kerana jarang dijumpai di tapak lain. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa batu nisan Aceh di tapak Lamreh memiliki kesenian yang pelbagai dan memiliki pengaruh budaya luar.

PENGHARGAAN

Terima kasih tak terhingga kepada Universiti Sains Malaysia yang mempercayai dalam penyelidikan ini. Penelitian ini sepenuhnya di danai oleh Geran Kajian Arkeologi Global di Tapak Lamuri, Aceh-Indonesia. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada staf Pusat Penelitian Arkeologi Global-Universiti Sains Malaysia dan tim dari Universitas Syiah Kuala Banda Aceh yang mendukung kami untuk menyelesaikan penelitian ini. Semoga penelitian ini memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan ilmu arkeologi.

RUJUKAN

- Ambary, H.M. 1984. *L'Art Funeraire Musulman En Indonesie Des Origines Au XIX Siecle*. Paris.
- Ambary, H.M. 1998. *Menemukan Peradaban, Arkeologi dan Islam di Indonesia*. Edisi ke-2. Jakarta: PT LOGOS Wacana Ilmu.
- Ambary, H.M. 2009. Rapport préliminaire sur les Manuscrits anciens et les vestiges épigraphiques de Ternate et Tidore. *Archipel* 23(1): 135–145.
- Arifin, F. 2015. Representasi Simbol Candi Hindu Dalam Kehidupan Manusia : Kajian Linguistik Antropologis. *Jurnal Penelitian Humaniora* 16(2): 12–20.
- Azhari, F. 2016. Pemikiran Hukum Kearifan Lokal Syekh Muhammad Arsyad Al-Banjari Dalam Kitab Sabilal Muhtadin, 1–7.
- Bastomi, S. 1992. *Pengantar Ilmu Budaya*. Semarang: IKIP Semarang.
- Djelantik. 1999. *Estetika sebuah pengantar, Masyarakat Seni Pertunjukan Indonesia*. Bandung: MSPI.
- Herwandi. 2003. *Bungong Kalimah : Kaligrafi Islam Dalam Balutan Tasawuf Aceh (Abad Ke-16-18 M)*. Padang: Andalas University Press.
- Inagurasi, L.H. 2017. Ragam Hias Batu Nisan Tipe Aceh pada Makam-Makam Kuno di Indonesia Abad ke 13-17. *KALPATARU* 26(1): 37–52.
- Istari, T.M.R. 2018. Ragam Hias Non-Cerita Pada Relief Candi Untuk Perkembangan Motif Batik Kontemporer. *Naditira Widya* 6(1): 64.
- Mulyadi, Y., & Nur, M. 2017. Ragam Hias pada Makam di Komplek Mesjid Makam Turikale di Maros Sulawesi Selatan. *KALPATARU* 26(1): 27–36.
- Munandar, A.A. 2016. Kisah-kisah dan Kepercayaan Rakyat di Seputar Kepurbakalaan. *Paradigma, Jurnal Kajian Budaya* 2(1): 1.
- Othman, M.Y. 1985. Batu Aceh: A study of 15-19 century Islamic gravestones in Peninsular Malaysia. Thesis Ph.D, University of Durham.
- Othman, M.Y. 2002. Seni dan Peradaban di Perak Satu Tinjauan Sejarah. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 15: 38–46.

- Othman, M.Y. 2010. Batu Aceh dan Hubung Kait dengan Penyelidikan Arkeologi di Malaysia. Dlm. Nikh Hassah Shuhaimi & Asyaari Muhamad (pnyt.). *Penanda Arasan Penyelidikan Arkeologi di UKM*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perret, D., Arbai'yah, B. M. N., Jamil, B. H. & Saleh, M. A. B. M. 2017. *Makam-Makam Islam Lama di Maritim Asia Tenggara*. (Miti Fatee, Ed.). Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Perret, D., & Henddy Surachman. 2015. *Barus Negeri Kamper Sejarah Abad ke-12 Hingga Pertengahan Abad ke-17*. (Ade Pristie Wahyu, Ed.). Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Perret, D. & Razak, K.A. 1999. *Batu Aceh: Warisan sejarah Johor*. Johor Baharu: Yayasan Warisan Johor.
- Repelita, W.O. 2009. Nisan PlakPling, Tipe Nisan Peralihan Dari Pra-Islam Ke Islam. *Berkala Arkeologi Sangkhakala* 11: 1–9.
- Repelita, W.O. 2016. Metamorfose Nisan Aceh, Dari Masa Ke Masa the Metamorphosis of Aceh Tombstones Through Time. *Berkala Arkeologi Sangkhakala* 19(2): 130–148.
- Shaffee, N., & Said, I. 2013. Types of Floral Motifs and Patterns of Malay Woodcarving in Kelantan and Terengganu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 105: 466–475.
- Zuliskandar Ramli, Ahmad Helmi Mohd Mukhtar, Mohd Samsudin, Mohd Rohaizat Abd Wahab, Muhammad Shafiq Mohd Ali, Muhammad Termizi Hasni. 2016. Batu Aceh: Jumpaan Terbaharu Di Pulau Langkawi, Kedah Malaysia. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 29(2): 1-14

Saryulis
Calon Sarjana
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global,
Universiti Sains Malaysia
Email: Saryulis.spd@gmail.com

Husaini Ibrahim
Pensyarah
Universitas Syiah Kuala Aceh
Email: Husibram@gmail.com

Mokhtar Saidin (PhD)
Pengarah/Profesor
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global,
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
Email: mmokh@usm.my

Received : 15 Mac 2020
Accepted : 15 April 2020
Published : 30 April 2020